

04 JUL 1997

Muhyiddin-Penonton

MUHYIDDIN MAHU SUKOM AMBIL PENGAJARAN KEKURANGAN PENONTON PIALA DUNIA BELIA

KUALA LUMPUR, 4 Julai (Bernama) -- Menteri Belia dan Sukan Tan Sri Muhyiddin Yassin mahu kekurangan penonton menyaksikan kejohanan bola sepak Piala Dunia Belia yang berakhir esok dijadikan pengajaran untuk Sukan Komanwel Ke-16 di sini tahun depan.

Beliau berkata langkah-langkah yang lebih berkesan terutamanya dari segi promosi dan publisiti perlu ditingkatkan oleh Sukom Ninety Eight Berhad bagi memastikan perkara yang sama tidak berulang.

"Saya difahamkan jumlah penonton yang hadir di setiap stadium pada kejohanan Piala Dunia Belia tidak begitu menggalakkan padahal pasukan-pasukan terbaik dunia bertanding," katanya kepada pemberita selepas menyaksikan majlis menandatangani perjanjian persefahaman penganjuran pameran Motorsport '97 di sini hari ini.

Muhyiddin menafikan dakwaan minat yang semakin menurun di kalangan peminat tempatan merupakan punca mengapa mereka enggan menyaksikan perlawanan bola sepak berkualiti tinggi di stadium sebaliknya lebih suka memilih untuk menonton televisyen.

"Kita dapati lebih ramai peminat menyaksikan perlawanan-perlawanan Liga Perdana daripada Piala Dunia Belia dan ini agak menghairankan dan membimbangkan pada ketika kita sedang bersiap sedia menghadapi Sukan Komanwel," katanya.

Beliau berkata, pelbagai perkara termasuk harga tiket yang berpatutan perlu diteliti oleh Sukom bagi memastikan peminat sukan membanjiri gelanggang-gelanggang sukan temasya itu nanti.

Sementara itu, Muhyiddin meminta pihak swasta membantu mempopularkan sukan motor di negara ini termasuk membina gelanggang-gelanggang asas bagi pelumba-pelumba muda yang mahu menceburi bidang itu seperti gelanggang sukan motor lasak (motocross).

"Pelumba-pelumba muda kita jarang sekali mendapat peluang untuk mempamerkan bakat masing-masing. Tetapi jika kita ada gelanggang-gelanggang seperti itu banyak pertandingan boleh dianjurkan," katanya.

Beliau berkata, satu jabatan mungkin akan ditubuhkan di bawah kementerianannya bagi mengawalselia pelbagai kejohanan sukan motor di negara ini di samping mencungkil bakat-bakat muda.

Pameran Motorsport '97 yang akan berlangsung dari 12 hingga 21 Disember ini di Pusat Pameran Mines, Sungai Besi akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Pada majlis itu, penganjur utama pameran itu Le Proton Exhibition Services Sdn Bhd yang diwakili Pengarah Eksekutifnya Yusof Manan menandatangani dua perjanjian persefahaman dengan Eastbrook Management UK Ltd dan Competizione Sdn Bhd.

Eastbrook Management diwakili Pengerusi Eksekutifnya Soong Yap manakala Competizione diwakili Pengarahnya Key Soon Yue. -- BERNAMA

HRS WAT